

# Usah minta yang tidak berfaedah

KUALA TERENGGANU, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat jangan memohon sesuatu yang tidak berfaedah dan membuat desakan yang tidak menentu kepada wakil rakyat mereka, ketika negara sedang mengalami kelembapan ekonomi sekarang.

Perdana Menteri, berkata wakil rakyat juga menghadapi masalah berikutan pengurangan belanjawan pembangunan peruntukan hingga tidak dapat menunaikan janji-janji di musim pilihanraya lalu.

"Janganlah mendesak sesuatu kepada wakil rakyat seperti meminta mengadakan kemudahan di tempat masing-masing, meminta derma dan menyokong mendapatkan pekerjaan," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan sama ada peruntukan untuk setiap wakil

BM 2 NOV 1986  
rakyat dipotong, tetapi membayangkan bahawa pengurangan belanjawan tahun depan turut menjejaskan pembangunan di kawasan pilihanraya mereka.

"Saya harap semua lapisan masyarakat memahami perkara ini dan jangan terus menuduh wakil rakyat kerana tidak menunaikan janji dan tidak membela rakyat seperti yang terkandung dalam manifesto parti pemerintah ketika berkempen dalam pilihanraya lalu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 5,000 orang di majlis kesyukuran kemenangan Barisan Nasional (BN) di Stadium Negeri di sini petang semalam. Hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad, Setiausaha Agung Umno,

Datuk Seri Haji Sanusi Junid dan pemimpin-pemimpin BN peringkat negeri.

Beliau berharap semua wakil rakyat BN bekerja keras dan menjalankan amanah rakyat dengan peruntukan kewangan yang terhad.

Jika ada wakil rakyat yang didapati tidak menjalankan tugas dan amanah rakyat, mereka mungkin tidak dipilih lagi sebagai calon dalam pilihanraya akan datang," katanya.

Perdana Menteri juga sedih kerana masih ada umat Islam di negeri ini yang bermusuhan sesama sendiri disebabkan perbezaan fahaman politik.

Sikap bermusuhan, katanya tidak menda-tangkan faedah, malah memberi kesan buruk seperti yang berlaku di Timur Tengah antara umat Islam di Iraq dan Iran.